

28 OCT 2000

Mahathir-Asia

MAHATHIR GESA ASIA BENAR-BENAR BEBAS DAN BERDIRI SAMA TINGGI DI DUNIA

Oleh: Tham Choy Lin

HONG KONG, 28 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini membuat seruan lantang kepada Asia, menggesa negara-negara benua besar itu menjadikan diri mereka benar-benar bebas dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju Barat.

Beliau berkata matlamat jangka panjang bagi semua negara Asia ialah untuk "tidak tunduk kepada sesiapa" dan rakyat Asia patut berbangga dengan nilai dan cara mereka, serta menentang cubaan Barat untuk memaksa ideologinya terhadap mereka.

"Negara-negara Asia dan rakyat Asia mestilah bebas, benar-benar bebas. Tiada siapa patut memaksakan nilai atau ideologi atau sistem mereka terhadap Asia," kata Dr Mahathir yang dijemput menyampaikan ucap tama mengenai "Agenda Bagi Sebuah Asia Baru" pada jamuan malam Persatuan Asia di Pusat Konvensyen dan Pameran Hong Kong.

"Tiada sebab kenapa kita patut percaya bahawa apa yang dipropagandakan oleh Barat kini -- demokrasi liberal, pasaran bebas, dunia tanpa sempadan dan lain-lain akan membawa kebaikan dalam jangka panjang.

"Harinya akan tetap tiba apabila Barat akan menolak nilai dan ideologi mereka sekarang disebabkan keburukan yang mereka lakukan. Malahan kita tidak seharusnya secara membuta tuli menerima cara, ideologi dan nilai-nilai Barat tanpa menunggu ia diuji secara meluas di Barat sendiri," katanya sambil menarik perhatian bahawa komunisme dan sosialisme yang dicipta oleh Barat telah membantutkan pembangunan terlalu banyak negara yang mengamalkannya.

Perdana Menteri berkata negara-negara Asia perlu mengambil tempat mereka yang setaraf dalam masyarakat dunia dan nilai serta cara rakyat Asia haruslah diterima sebagai sah, normal dan tidak rendah daripada sesiapa.

Agenda sedemikian bukanlah merupakan khayalan atau satu mimpi tetapi ia akan mengambil masa yang lama dan laluan bukanlah mudah, kata Dr Mahathir yang beliau sendiri telah menetapkan Malaysia pada laluan untuk mencapai status Dunia Maju pada tahun 2020.

Katanya cara rakyat Asia tidak teruk hanya kerana ia berbeza daripada Barat dan beliau menarik perhatian kepada bagaimana Jepun, Korea Selatan dan China telah pulih dengan cepatnya daripada kesan perang dan sosialisme.

Dr Mahathir berkata lebih banyak negara Asia perlu melabur dan membantu negara kurang maju di rantau ini.

Dan untuk ini, sebuah Tabung Kewangan Asia adalah perlu, katanya, dan sebuah Persatuan Asia bagi Pembangunan patut ditubuhkan untuk membolehkan negara-negara berhubungan, membincangkan masalah bersama dan kerjasama.

Perdana Menteri berkata rakyat Asia tidak boleh bersatu seperti yang dilakukan rakyat Eropah kerana kepelbagaiannya yang ekstrim dan jarak yang memisahkan mereka.

"Asia harus menerima bahawa ia merupakan sebuah benua yang berpecah. Dengan menerima hakikat ini ia harus merancang masa depannya sebagai benua kecil yang berasingan, berkembang mengikut kelebihan komparatifnya dan pada kepesatan yang berbeza," katanya.

Dr Mahathir berkata Asia memulakan alaf baru dengan suram oleh kerana tenaga dan semangat yang memacunya pada separuh kedua abad ke-20 telah lenyap dan moral serta amalan kerajaan Asia yang pernah menjadikannya ekonomi harimau, diserang oleh Barat.

Penyangkak pedagang turut melihat peluang untuk menyerang negara Asia Timur sehingga menyebabkan ekonomi negara berkenaan berada dalam kegawatan dan kemiskinan yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Malahan Jepun yang merupakan ekonomi paling mantap di Asia Timur nampaknya tidak dapat keluar daripada kemelut ekonomi. Dalam usahanya untuk membaratkan cara mereka menjalankan perniagaan dan untuk menerima

nilai-nilai Barat, Jepun kini sudah menjadi keliru," kata Dr Mahathir yang sebelum ini telah menyokong dasar "Pandang Ke Timur" bagi Malaysia dalam tahun 80an untuk mencontohi gaya kerja Jepun dan negara Asia Timur yang lain.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata beliau tidak meragui bahawa Timur Laut Asia dan Asia Tenggara boleh mencapai kejayaan pembangunan mereka sebelum ini jika mereka memulihkan kepercayaan pada diri mereka.

Katanya kedua-dua rantau itu mempunyai persamaan yang cukup untuk bekerjasama dalam isu-isu yang melibatkan mereka mungkin dalam bentuk kumpulan ekonomi atau Tabung Kewangan Asia Timur.

"Asia Tenggara boleh pulih lebih cepat dan kuat jika ia tidak terlalu asyik mahu mendapatkan persetujuan Barat dalam cara ia menguruskan politik dan ekonominya," katanya.

Kerajaan yang tegas dan kukuh harus dibenar memerintah dan tanggapan bahawa sesebuah negara itu tidak demokratik melainkan campurtangan kuasa dibenarkan mengancam keamanan dan kestabilan, harus ditolak.

Dr Mahathir turut memberikan pandangannya mengenai bagaimana rantau lain di Asia boleh maju ke depan.

Negara Asia Selatan, katanya boleh membangunkan diri masing-masing jika mereka tidak boleh melakukannya bersama dan menegaskan bahawa usaha pembasmian kemiskinan adalah jauh lebih penting daripada cubaan mengganggu gugat dan menggulingkan kerajaan yang dipilih.

Bagi Asia Tengah yang kaya dengan sumber dan dilingkungi daratan, yang terasing daripada pasaran dunia disebabkan oleh jaraknya, Perdana Menteri berkata ia memerlukan rangkaian landasan kereta api secara lebih menyeluruh untuk mengangkut bahan mentah dan barangan merentasi kawasan yang luas itu.

Mengenai Asia Barat, beliau berkata adalah penting bagi mereka untuk mengurangkan persengketaan dan pencerobohan sesama sendiri sebaliknya berusaha memajukan industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal memandangkan penduduk mereka tidak ramai.

-- BERNAMA
TCL RON